



22 November 2012  
22 November 2012  
P.U. (A) 383

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA) (PINDAAN) 2012

### *UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES (CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI SAINS MALAYSIA) (AMENDMENT) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI  
(PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA) (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(3) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Perlembagaan Universiti Sains Malaysia) (Pindaan) 2012**.

**Pindaan seksyen 15**

2. Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [P.U. (A) 220/2011], yang disebut "Perlembagaan" dalam Perintah ini, dipinda dengan menggantikan seksyen 15 dengan seksyen yang berikut:

**"Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman**

15. (1) Seorang Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman hendaklah berkhidmat sebagai pegawai sepenuh masa Universiti dan yang mempunyai kuasa dan kewajipan sebagaimana yang ditetapkan oleh statut.

(2) Jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman boleh dikenali dengan apa-apa nama lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman hendaklah dilantik oleh Lembaga mengikut nasihat Jawatankuasa Pemilih.

(4) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, syarat pelantikan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

(5) Seseorang yang dilantik sebagai Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan apabila tempoh itu habis, Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang itu adalah layak untuk dilantik semula.

(6) Seseorang yang dilantik sebagai Ketua Pustakawan, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga.

(7) Pelantikan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.”.

### **Pindaan seksyen 17**

3. Seksyen 17 Perlembagaan dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Pihak Berkuasa Universiti ialah Lembaga, Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti atau dengan apa-apa juu nama ia disebut, Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan, Akademi, Jawatankuasa Pengajian, Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Aduan Pelajar dan badan yang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh statut sebagai Pihak Berkuasa Universiti.”.

### **Pemotongan seksyen 34**

4. Seksyen 34 Perlembagaan adalah dipotong.

**Seksyen baru 35A**

5. Perlembagaan dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 35 seksyen yang berikut:

**“Jawatankuasa Aduan Pelajar**

35A. (1) Jawatankuasa Aduan Pelajar ditubuhkan yang hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi pengerusi;
- (b) dua orang ahli yang dipilih oleh Majlis Perwakilan Pelajar-Pelajar;
- (c) dua orang ahli yang dipilih oleh Persatuan Siswazah atau Alumni Universiti; dan
- (d) dua orang pegawai lain Universiti yang dilantik oleh Lembaga selepas mengambil kira dengan sewajarnya kepentingan untuk menjamin suatu Jawatankuasa Aduan Pelajar yang mendapat keyakinan pelajar.

(2) Jawatankuasa Aduan Pelajar hendaklah mempunyai apa-apa kuasa dalam menjalankan siasatan atau inkuiiri ke atas apa-apa aduan yang dibuat oleh pelajar mengikut cara yang ditetapkan oleh statut.”.